

BAB KELIMA

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir di mana penulis membuat rangkuman kesimpulan hasil daripada kajian yang dianalisis dalam bab-bab yang terdahulu. Juga dimuatkan saranan-saranan sekitar *iḥyā'* Ramadan melalui solat tarawih yang diamalkan dalam masyarakat Kelantan terutama di jajahan Kota Bharu.

Perlu dijelaskan di sini bahawa pengamalan ibadat *qiyām* Ramadan adalah salah satu daripada program *iḥyā'* Ramadan. Ia merupakan suatu ibadat yang sangat dituntut oleh Islam selaras dengan pengamalan yang sentiasa dilakukan oleh baginda Rasulullah S.A.W dengan istiqamahnya. Antara kesimpulan yang dapat ditarik terhadap pelaksanaan *iḥyā'* Ramadan dalam masyarakat Kelantan adalah sebagaimana berikut:

- a) Secara keseluruhannya, suatu realiti yang sentiasa berlaku setiap tahun di kalangan umat Islam apabila menjelangnya bulan Ramadan ialah timbulnya minat serta keinsafan yang mendalam terhadap amalan ketaatan kepada Allah S.W.T sekaligus berkuranglah gejala kemaksiatan. Kebiasaannya, bacaan ayat-ayat suci al-Quran mendapat tempat yang

utama dalam melakukan zikir dan ibadat sehingga masyarakat awam sempat menamatkan pembacaannya berkali-kali.

- b) Kuliah dan ceramah agama diadakan di merata tempat, masjid-masjid sentiasa dikunjungi melebihi dari kadar biasa berbanding pada bulan-bulan yang lain, jamuan dan hidangan yang berterusan terutamanya waktu berbuka puasa dan selepas solat tarawih sepanjang malam bulan Ramadan. Segala aktiviti kebajikan yang diadakan mendapat sambutan yang menggalakkan.
- c) Ramadan mempunyai berbagai keistimewaan jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain. Ia adalah bulan untuk melaksanakan amal ibadat terutamanya berpuasa pada siang harinya serta bersolat tarawih pada malamnya sebagai suatu latihan untuk menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. Maka sewajarnya umat Islam bersedia dengan semangat dan kekuatan jiwa untuk mengisi bulan Ramadan dengan pelbagai jenis amal ibadat dan kebajikan. Sesuailah bulan Ramadan dikenali sebagai bulan tarbiyah dan bulan ibadat.
- d) Rasulullah dan para sahabatnya merebut kesempatan di bulan ini untuk bermunajat kepada Allah dengan berzikir, sembahyang malam, membaca al-Quran dan amal ibadat yang lain, di mana gema perbuatan mereka seperti bunyi lebah. Ekoran dari itu, sepatutnya orang-orang mukmin juga

mencontohi keadaan sedemikian dengan melipat-gandakan usaha mereka dalam beribadat kepada Allah S.W.T. Juga merebut peluang keemasan yang disediakan oleh Allah S.W.T pada bulan Ramadan iaitu Lailatulqadar yang melebihi atau lebih baik dari seribu bulan.

- e) Umat Islam patut mengenal-pasti setiap budaya yang patut diamalkan dan yang harus ditinggalkan serta perlu menghayati sunnah Nabi S.A.W di sepanjang bulan Ramadan kemudian diterjemahkan dalam kehidupan sehari-hari. Sungguhpun begitu, budaya membeli-belah yang keterlaluan patut dikawal daripada berlakunya keborosan malah pembaziran terutamanya tibanya bulan Ramadan.
- f) Ketibaan Ramadan sewajarnyalah disambut dengan rasa senang hati dan tabah kerana terdapat sesetengah orang menganggapnya sebagai suatu hal yang menyekat kebebasan tabiat semulajadi manusia iaitu menghentikan daripada makan dan minum serta perbuatan yang lain. Perlu disedari bahawa bulan Ramadan hendaklah disambut dengan penuh minat kerana ia umpama “tetamu terhormat” memandangkan ia datang hanya setahun sekali. Kesabaran hendaklah ditingkatkan bukan hanya dari segi makan dan minum di siang hari sahaja bahkan zahir dan batin juga harus dikawal kedudukannya daripada melakukan sebarang maksiat dan perkara-perkara mungkar yang lain.

- g) Keprihatinan pihak kerajaan negeri dalam membuka ruang kepada semua kakitangannya dengan mengurangkan waktu kerja sehingga jam 3.45 petang, iaitu waktu kerja tamat satu jam lebih awal dari hari-hari biasa. Tujuannya ialah untuk membolehkan mereka bersama keluarga atau berjemaah di masjid dan surau dengan ibadat-ibadah tambahan yang lain.
- h) Pihak Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah dan Pendidikan Kelantan menerusi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan badan-badan berkanun yang lain turut mengatur dan mengisi program penghayatan Ramadan. Ianya bukanlah tertumpu di jajahan Kota Bharu sahaja, bahkan dikembangkan di peringkat jajahan dan kampung. Secara tidak langsung. Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Kelantan mengambil inisiatif dengan menarik minat dan mempelawa para pelancong terutamanya mereka yang tidak mampu ke tanah suci Mekah bagi menghayati Ramadan di Kelantan.
- i) Pihak perhotelan dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) dan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) menjalankan usaha menarik minat pelancong ke Kelantan dengan membuat pelbagai persiapan dan kemudahan pada bulan Ramadan. Antaranya membawa para pelancong yang beragama Islam menginap beberapa hari di Pondok Terosan Pasir Tumbuh bagi menghayati aktiviti-aktiviti keagamaan dan menghirup suasana pondok sebagai gedung ilmu.

- j) Pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bersikap terbuka terhadap imam-imam masjid untuk melaksanakan solat tarawih sama ada 8 atau 20 rakaat. Tujuannya ialah supaya tidak timbul pertelingkahan di antara para jemaah dengan melihat keperluan dan suasana setempat. Ini semua adalah suatu cara agar kesatuan umat Islam bertambah teguh dan utuh. Mereka boleh merujuk kepada Majlis Agama apabila timbul sebarang permasalahan dalam solat tarawih dan lain-lain.
- k) Masyarakat Islam Kelantan juga menyambut baik aktiviti penghayatan Ramadan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Mengikut suatu kajian, kadar jenayah berkurangan malah hampir tiada, ini adalah kesan daripada penghayatan Ramadan terhadap kehidupan manusia.
- l) Sambutan masyarakat Kelantan terhadap penghayatan Ramadan meliputi semua lapisan masyarakat, bermula dari peringkat kanak-kanak, remaja, belia hingga ke peringkat dewasa dan tua. Mereka diajak bersama bertadarus al-Quran, berjemaah dalam solat tarawih, berbuka puasa, iktikaf dan lain-lain. Penulis turut bersyukur dengan sambutan masyarakat Kelantan, di mana tahap kesedaran dan tingkat kefahaman umat Islam di negeri ini agak mendalam, tambahan pula gandingan usaha dari pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan negeri yang berhasrat menjadikan Kelantan sebagai “Serambi Mekah”.

5.2 SARANAN

Setelah penulis membuat kesimpulan terhadap data-data yang didapati dan dianalisis dalam bab yang telah lalu, penulis cuba mengenengahkan beberapa saranan yang *Insyallah* dapat membantu meningkatkan kualiti dan keberkesanan *ihyā* Ramadan melalui solat tarawih dalam masyarakat Kelantan. Saranan ini melibatkan semua pihak terutama ibu bapa, guru, masyarakat, badan sukarela, media massa dan juga pihak kerajaan.

1- Ibu Bapa

- (a) Pendidikan awal bagi kanak-kanak merupakan suatu perkara yang penting dalam proses menjadikan mereka sebagai anak yang soleh. Oleh itu ibu bapa perlu mendidik mereka terlebih dahulu dalam rangka mengenal dan mencintai al-Quran, sentiasa mengimarahkan masjid, menelaah buku-buku agama dan sebagainya agar diteladaninya. Di tangan kedua ibu bapalah terletaknya berbagai corak warna yang akan di lakarkan kepada anak-anaknya sebagaimana kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”, mendidik anak-anak biarlah pada usia awalnya.
- (b) Untuk mempercepatkan proses penghayatan terhadap aktiviti keagamaan, para ibubapa seharusnya mendidik anak-anak mereka

bermula sejak dari umur 5 dan 6 tahun lagi. Langkah ini akan memudahkan mereka untuk menghayatinya apabila menjangkau usia remaja dan seterusnya kerana mereka sudah terbiasa dengan amalan-amalan tersebut hingga timbul kesedaran dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

2. Guru-Guru

- (a) Peranan guru amatlah penting memandangkan masa yang formal antara mereka bersama di sekolah agak banyak jika dibandingkan di rumah
- (b) Pemerataan dan penekanan pendidikan moral sebaiknya bukan hanya di peringkat sekolah rendah sahaja bahkan hingga ke peringkat yang lebih tinggi lagi seperti institusi pengajian tinggi, maktab-maktab dan kolej-kolej yang pada akhirnya akan melahirkan para intelektual yang seimbang dari semua segi bahkan tuntutan dunia dan akhirat akan terpenuhi.

3. Masyarakat

- (a) Para penggawa bagi setiap daerah, para imam masjid, penghulu-penghulu kampung dan mereka yang dikenali ramai oleh masyarakat bahkan orang-orang kenamaan seharusnya

menunjukkan diri dan keluarga mereka masing-masing ke arah penghayatan *ihya'* Ramadan agar diteladani oleh masyarakat setempat. Oleh itu, majlis-majlis ilmu seharusnya diwujudkan malah diperbanyakkan bagi menarik minat masyarakat untuk memahami dan mengenali *ihya'* Ramadan dengan lebih dekat lagi.

- (b) Para imam dan penyelia agama hendaklah cuba menyelesaikan hal-hal yang remeh-temeh yang sering diperselisihkan dalam masyarakat terutamanya tentang masalah *qiyām* Ramadan dan kelebihan bulan ini. Kebiasaannya, kalangan yang ekstrim membangkitkan masalah furuk dan bidaah sehingga timbul permasalahan dan pertikaian dalam masyarakat.

4. Badan Sukarelawan

- (a) Badan Sukarelawan juga patut mengadakan gerai-gerai terbuka di kawasan persimpangan jalan yang penuh sesak dengan kenderaan di mana mereka terperangkap dalam kesesakan jalanraya. Dengan demikian mereka dapat berbuka puasa dengan kadar sesegera mungkin sebelum tiba ke rumah mereka masing-masing.
- (b) Selain dari itu pihak hotel juga perlu peka dengan keadaan seperti menganjurkan *qiyām* Ramadan, tadarus al-Quran, ceramah,

menghiasi hotel dengan lampu berwarna-warni dan juga dengan rentangan sepanduk bagi mengalu-alukan kedatangan Ramadan yang mulia serta mengadakan tawaran istimewa atau pakej khusus untuk orang-orang Islam sebagai tetamu mereka di bulan Ramadan. Begitu juga pihak syarikat kenderaan seperti bas dan kereta sewa, Persatuan Pasar Malam dan individu yang berjualan serta Pasar Besar di semua jajahan juga patut mengadakan sepanduk dan pakej yang istimewa ini.

5. Media Masa

- (a) Majlis ilmu dan forum ilmiah tentang *ihya'* Ramadan adalah wajar sentiasa disiarkan kepada umum. Ianya dapat membuka minda secara langsung maupun tidak langsung tentang pendedahan dan pengamalan *ihya'* Ramadan.
- (b) Sebaiknya media cetak juga hendaklah mempelbagaikan jenis buku-buku dan penulisan lainnya yang membincangkan tentang *ihya'* Ramadan. Ini memudahkan masyarakat Islam khususnya membuat sebarang rujukan dan menambah pengetahuan tentang ibadat *qiyyam* Ramadan.

6. Kerajaan

- (a) Pihak kerajaan hendak sentiasa menyediakan berbagai kemudahan dan peruntukan yang mencukupi kepada Unit Pembangunan Islam sama ada kemudahan yang berupa kenderaan, kakitangan mahupun kewangan (elaun) dan sebagainya.
- (b) Mewajibkan semua pasar besar di negeri ini memutarkan kaset-kaset yang berbentuk keagamaan di sepanjang bulan Ramadan seperti ceramah-ceramah agama, syarahan dan kursus kefahaman Islam bagi memberi penerangan dan maklumat tentang *iḥyā'* Ramadan kepada para peniaga dan pembeli. Secara tidak langsung mereka mendapat pengetahuan tentang agama.
- (c) Kerajaan juga perlu bekerjasama dengan mana-mana pengusaha-pengusaha kilang swasta dan pertubuhan dakwah yang ada seperti Abim, Jim, Tabligh dan sebagainya agar wadah dan misi perjuangan mereka untuk menghidupkan *iḥyā'* Ramadan tercapai. Walaupun pendekatan dan corak yang dimainkan adalah berbeza antara satu sama lain tetapi apa yang penting ialah masyarakat Islam dapat menikmati program-program tersebut.

Penutup

Jelaslah bahawa *iḥyā'* Ramadan merupakan suatu kegiatan yang penting dan sesuai diamalkan bukan sahaja di bulan Ramadan bahkan diteruskan pada bulan-bulan yang lain. Amalan ini merupakan suatu amalan yang mulia kerana ia merupakan tanda kesyukuran umat terhadap segala nikmat yang diberikan oleh Allah S.W.T, yang mana Allah S.W.T memberi kesempatan kepada semua hambaNya tanpa terkecuali untuk bertaubat dan membersihkan diri dari segala noda dan dosa. Ini dilakukan dengan memohon keampunan serta menyemak kembali tindak-tanduk yang pernah dilakukan di mana jika terdapat yang salah segeralah diperbetulkan dan sekiranya ia telah baik maka harus dipertingkatkan lagi dan berkekalan selagi hayat dikandung badan.

Muslim yang sejati ialah mereka yang tidak membataskan diri dengan melakukan amalan-amalan yang diwajibkan oleh Allah S.W.T semata-mata, malah mereka perlu mempergiatkan dan memperbanyakkan ibadat-ibadat tambahan (ibadat sunat) yang lain, khususnya *qiyām* Ramadan sebagai amal tambahan kepada ibadat wajib yang mereka lakukan.

Dalam waktu pertumbuhan dan peningkatan usia terutama para remaja dan belia yang penuh dengan gejala sosial dan etika yang berbagai bentuk, suatu jalan penyelesaian perlu dicari untuk mengatasinya, salah satunya ialah

dengan melakukan ibadat sembahyang, di mana Allah memberi jaminan kepada mereka yang sentiasa mengamalkannya akan terhindar daripada perkara-perkara keji dan mungkar.

Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kepada semua pihak termasuk ibu bapa, masyarakat dan pihak kerajaan memainkan peranan yang sama dalam melaksanakan usaha yang murni ini. *Insyallah* dengan cara ini kita dapat melahirkan generasi yang akan mempertahankan kelestarian, kesucian dan kemurnian agama Islam. Tanpa mereka mercu kejayaan *duniawi* dan *ukhrawi* tidak akan tercapai kecuali atas dasar kesedaran, keimanan dan keikhlasan diri sendiri.